

# KENYATAAN MEDIA

## KETIBAAN GERABAK PERTAMA TREN BAGI MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG- PUTRAJAYA

*Satu pencapaian penting, ke arah siapnya projek mengikut jadual*

**Pelabuhan Klang, 24 Januari 2019:** Gerabak-gerabak pertama bagi tren MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) telah tiba di Westport, Pelabuhan Klang, Perkembangan ini merupakan satu pencapaian penting bagi pembinaan laluan kedua Projek MRT Lembah Klang.

Gerabak-gerabak tersebut terdiri daripada empat gerabak motor yang merupakan dua gerabak penghujung tren, dan empat gerabak treler yang akan membentuk dua gerabak tengah, bagi dua buah tren telah tiba di pelabuhan semalam.

Laluan SSP akan mempunyai 49 buah tren yang akan digunakan di jajaran ini apabila projek siap sepenuhnya pada bulan Julai 2022.

Gerabak tren, bogi dan komponen-komponen utama tren yang lain, akan dibuat di Changwon, Korea Selatan oleh Hyundai-Rotem Company. Syarikat ini bersama Apex Communications Sdn Bhd dan Posco Engineering Co Ltd telah membentuk HAP Consortium untuk membekalkan tren elektrik bagi Laluan SSP.

Dua set tren sedang siap dipasang di Korea dan akan dihantar ke Malaysia lewat tahun ini, manakala baki 47 set tren – termasuk dua yang telah tiba – akan dihantar ke Malaysia secara peringkat untuk dipasang di sini oleh Apex Communications. Reka bentuk luaran dan warna tren telah direka bentuk oleh MBD Technologies Design di Perancis, dan memaparkan aspek modenisme dan keharmonian bandar.

Dari Changwon, gerabak-gerabak tren yang tiba telah diangkut ke pelabuhan di Masan, di mana gerabak tren telah dimuatkan ke dalam kapal *MV Da Hua V.178* pada 21 Disember 2018. Gerabak-gerabak tren kemudiannya telah sampai di Westport setelah sebulan belayar di laut.

Dari Westport, gerabak-gerabak tren akan diangkut ke kilang pemasangan tren MRT pertama di Malaysia di Rasa, Hulu Selangor, untuk dipasang menjadi tren. Kilang yang dibina khas untuk Projek MRT Lembah Klang, yang dimiliki oleh SMH Rail Sdn Bhd, turut merupakan kilang pemasangan tren MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah berkata ketibaan gerabak-gerabak tren tersebut menandakan satu lagi pencapaian yang penting bagi pembinaan Laluan SSP.



“Dengan tibanya gerabak-gerabak pertama untuk dua set tren, kami yakin dapat menurut jadual ke arah menyiapkan projek ini pada tahun 2022. Kemajuan projek kini ialah 41%,” tambah Najmuddin.

HAP Consortium telah dianugerahkan Pakej Kerja SY203 untuk kejuruteraan, perolehan, pembinaan, ujian dan pentauliahan tren elektrik dan perkakas depoh pada Mei 2016. Consortium ini terdiri daripada Apex Communications, sebuah syarikat Malaysia dan dua syarikat Korea Selatan iaitu Hyundai Rotem dan Posco Engineering.

Selain membekalkan tren elektrik, konsortium ini juga akan membolehkan pemindahan teknologi ke Malaysia melalui Program Kerjasama Industri (ICP), yang merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia. Melalui ICP, syarikat tempatan boleh mendapat manfaat dengan mempelajari kemahiran dan kelebihan daripada rakan kongsi industri mereka dan ini akan membolehkan mereka memperoleh kedudukan yang lebih baik dalam bidang mereka.

Sama seperti tren Laluan SBK, tren Laluan SSP juga akan mempunyai kelajuan maksimum 100km/sejam dan kapasiti penuh sebanyak 1,200 penumpang. Walau bagaimanapun, tren ini akan mempunyai reka bentuk yang berbeza daripada tren Laluan SBK.

-Tamat/-



**Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan media, sila hubungi**

**Encik Leong Shen-Li**  
MRT Corp

012-3196602 / [leong.shen-li@mymrt.com.my](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)

**Cik Amalina Ghazali**  
MRT Corp

016-2154055 / [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)